

PM arah permudah rakyat terima vaksin

BH - 6/6/2021 m/s: 2



Muhyiddin menyampaikan ucapan berhubung perkembangan semasa PICK di akaun Facebook rasminya, semalam.

Jawatankuasa khas diminta kaji semula proses pendaftaran

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Mahani Ishak dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bagi memastikan lebih ramai rakyat divaksinasi menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) melihat semula proses pendaftaran vaksin, termasuk cadangan melaksanakan proses pendaftaran secara automatik.

JKJAV juga diarah memastikan mereka yang sudah mendaftar untuk divaksin melalui semua platform, mendapat tarikh janji temu secepat mungkin agar tiada sesiapa akan tertinggal.

Perdana Menteri berkata, beliau mendengar keluhan penduduk di luar bandar, kampung dan pedalaman terutama warga emas yang sukar membuat pendafta-

ran dan menerima vaksin.

“Untuk itu, saya mengarahkan semua kementerian dan agensi kerajaan yang terbabit agar menggunakan semua aset kerajaan bagi mempermudah mereka mendapat vaksin.

“Sebagai kerajaan yang prihatin, kita sentiasa mendengar keluhan dan maklum balas rakyat dan akan sentiasa meningkatkan keupayaan dari segi perancangan, kapasiti dan tenaga kerja bagi mencapai objektif utama sasaran kita iaitu imuniti berkelompok,” katanya menerusi ucapan berhubung perkembangan semasa PICK di akaun Facebook rasminya, semalam.

Setakat kelmarin, seramai 1,127,336 individu di negara ini melengkapkan dua dos vaksin COVID-19.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memaklumkan, hampir 13 juta individu sudah mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 dan jumlah itu hanya 51 peratus daripada jumlah keseluruhan yang layak untuk menerima vaksin.

Katanya, lebih 280 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sedang beroperasi di seluruh negara dan lebih 300 PPV lagi dijangka dibuka secepat mungkin, selain 150 klinik kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM), dewan awam

dan universiti serta kompleks sukan dan stadium tertutup juga beroperasi.

Beliau berkata, beberapa PPV mega juga diwujudkan dan akan terus ditambah dalam masa terdekat terutama di kawasan dengan kepadatan penduduk yang tinggi seperti Lembah Klang, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak, selari dengan penambahan stok vaksin.

“Saya sendiri sudah melawat beberapa PPV termasuk dua PPV mega iaitu di Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) bagi melihat sendiri proses pemberian vaksin ini.

“Daripada maklum balas diterima, ramai yang menyambut baik usaha kerajaan untuk memvaksinasi rakyat. Bagaimanapun, saya juga menerima cadangan konstruktif untuk memperbaiki proses vaksinasi di pusat ini dan ia sudah dimaklumkan kepada Khairy (Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin) dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba untuk diambil tindakan segera,” katanya.

Bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan PICK, Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan turut membabitkan Pusat dan Kli-

nik Perubatan Swasta dan sehingga hujung bulan ini, sebanyak 1,000 Klinik Perubatan Swasta disasarkan terbabit dalam program itu.

Bagi memastikan tiada yang ketinggalan, kerajaan turut melancarkan unit vaksinasi bergerak ke kampung dan kawasan pedalaman bagi memudahkan proses vaksinasi kepada penduduk kampung, Orang Asli, warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan gelandangan.

“Setakat 3 Jun lalu, sembilan negeri sudah mengaktifkan unit vaksinasi bergerak, antaranya di Tenom dan Kinabatangan, Sabah; Gua Musang dan Pasir Puteh, Kelantan serta Hilir Perak dan Kuala Kangsar, Perak.

“Di Pulau Pinang pula, kerajaan memulakan perkhidmatan

unit vaksinasi bergerak di lapan rumah jagaan orang tua setiap hari, manakala di Selangor, setiap daerah mempunyai unit vaksinasi bergerak sendiri,” katanya.

Sambil mengajak rakyat tampil sebagai sukarelawan untuk membantu melancarkan proses pemberian vaksin, beliau berkata, golongan beliau serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga dialu-alukan menyumbang tenaga dan masa menjayakan program vaksinasi terbesar dalam sejarah negara.

“Penglibatan dan sokongan semua pihak amat diperlukan dalam pendekatan *whole of government* dan *whole of society* untuk kita mencapai 80 peratus yang disasarkan untuk membentuk imuniti berkelompok,” katanya.